

## **SEJARAH SISTEM PERBURUHAN DI BORNEO UTARA (1881-1941)**

### *History of Labour System in North Borneo (1881-1941)*

**SYAIB BIN AHMED<sup>1</sup>**  
**MAUREEN DE SILVA<sup>2</sup>**

<sup>1&2</sup>Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah

E-mel: syaibahmed@ymail.com; maureend@ums.edu.my

Tarikh Dihantar: Ogos 2020 / Tarikh Diterima: November 2020

### **Abstrak**

Penghapusan amalan perhambaan mengakibatkan Borneo Utara tidak mempunyai sistem buruh yang teratur untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja. Namun, penguatkuasaan undang-undang membenarkan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBUB) memperkenalkan sistem buruh. Sistem buruh ini kemudian membolehkan SBUB merekrut tenaga kerja dan meningkatkan lagi pembangunan ekonomi di Borneo Utara. Objektif makalah ini adalah untuk menganalisis pelaksanaan sistem buruh yang diperkenalkan di Borneo Utara oleh SBUB dari tahun 1881 hingga 1941. Makalah ini ditulis dengan merujuk kepada sumber utama yang diperoleh dari Arkib Negeri Sabah. Sumber rujukan yang digunakan termasuklah fail pentadbiran kolonial, British North Borneo Herald (BNBH), Pelbagai dan Warta Rasmi. Sumber sekunder seperti buku dan jurnal juga dirujuk sebagai sumber analisis perbincangan. Kajian ini mendapat terdapat dua jenis kontrak digunakan ke atas buruh-buruh yang bekerja di Borneo Utara iaitu kontrak bertulis dan kontrak lisan. Kontrak bertulis yang wujud dalam bentuk indentur dan kontrak biasa akan diaplikasikan ke atas buruh-buruh imigran, manakala buruh tempatan akan dikenakan kontrak lisan.

**Kata kunci:** Sistem perburuhan, perundangan buruh, SBUB, Borneo Utara.

### **Abstract**

*The abolition of the practice of slavery resulted in North Borneo not having a well-organized labor system to address the problem of labor shortages. However, law enforcement allowed the British North Borneo Chartered Company (SBUB) to introduce a labor system. This labor system then enabled SBUB to recruit manpower and further enhance economic development in North Borneo. The objective of this paper is to analyze the implementation of the labor system introduced in North Borneo by SBUB from 1881 to 1941. This paper was written*

*with reference to the main sources obtained from the Sabah State Archives. Sources include colonial administrative files, British North Borneo Herald (BNBH), Miscellaneous and Official Gazette. Secondary sources such as books and journals are also referred to as discussion analysis sources. This study found that there are two types of contracts used on workers working in North Borneo, namely written contracts and oral contracts. Written contracts that exist in the form of indentures and ordinary contracts will be applied to immigrant workers while local workers will be subject to oral contracts.*

**Keywords:** Labour system, law of labour, BNBC, North Borneo.

## PENDAHULUAN

Syarikat Borneo Utara British (SBUB) bertapak secara rasmi di Borneo Utara pada tahun 1881 dan pada ketika itu Borneo Utara tidak mempunyai sistem perburuhan yang teratur setelah amalan perhambaan dihapuskan.<sup>1</sup> Untuk mengatasi masalah kekurangan buruh yang menjadi pemacu kepada perkembangan kegiatan ekonomi di Borneo Utara, Kerajaan SBUB berikhtiar untuk mewujudkan satu sistem perburuhan yang tersusun untuk memastikan pengoperasian ekonomi berskala besar di Borneo Utara tidak terjejas. Harus difahami bahawa pada waktu itu, SBUB telah memberikan pelbagai insentif kepada para pelabur untuk mengusahakan tanah perladangan dan sektor pembalakan di Borneo Utara dengan jaminan sumber tenaga manusia untuk bekerja di ladang dan kawasan pembalakan mencukupi. Untuk menunaikan janjinya kepada pengusaha kapitalis, maka bermulalah kemasukan imigran luar yang akan bekerja sebagai buruh dalam sektor ekonomi di Borneo Utara. Kemasukan buruh luar ini bukanlah suatu operasi yang mudah tetapi merupakan suatu sistem yang kompleks dengan mengambil kira hubungan antara kerajaan kolonial, undang-undang buruh dan jabatan yang bertanggungjawab dalam menjaga dan menyediakan perlindungan kepada buruh serta majikan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji sistem perburuhan yang diamalkan dengan memfokuskan kepada jenis-jenis kontrak perburuhan yang wujud, hal ehwal pentadbiran dan pengurusan buruh oleh jabatan kerajaan dan undang-undang perburuhan yang diimplementasikan semasa pentadbiran SBUB dari tahun 1881 sehingga tahun 1941.

## HASIL PERBINCANGAN

Sistem buruh rasmi yang terawal diperkenalkan semasa pentadbiran SBUB ialah sistem buruh kontrak bertulis bercirikan indentur. Pada awalnya, sistem ini diperkenalkan di peringkat dunia apabila amalan perhambaan di koloni-koloni British dihapuskan secara formal pada tahun 1833. Penghapusan ini disokong kuat oleh gerakan antiperhambaan (*abolitionist*) yang mempersoalkan hak kemanusiaan dan nilai moral dalam amalan perhambaan.<sup>2</sup> Justeru, bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja yang berlaku di koloni-koloni British disebabkan oleh penghapusan amalan perhambaan dunia, Kerajaan Britain telah menyasarkan penduduk China, India dan Asia Tenggara dengan memperkenalkan dasar imigrasi dan sistem buruh bergaji bagi menggalakkan kemasukan buruh imigran.<sup>3</sup>

Secara ringkas, sistem indentur memerlukan buruh menandatangi kontrak kerja (kontrak bertulis) untuk suatu tempoh masa tertentu, dan majikan dikehendaki menyediakan kadar gaji yang bersesuaian, termasuklah menjaga kebijakan mereka seperti penyediaan kemudahan penginapan, makan, minum dan perubatan.<sup>4</sup> Bagi buruh imigran, mereka diberikan wang pendahuluan bagi membayar kos perjalanan ke destinasi tempat mereka bekerja. Segala kos pendahuluan yang dikenakan oleh pihak majikan atau agen perekrutan akan dibayar melalui potongan gaji. Sekiranya mereka gagal untuk membayar hutang-hutang tersebut, risiko kontrak diperbaharui adalah tinggi, dan mereka akan terus bekerja dengan pihak majikan sehingga hutang-hutang mereka dapat diselesaikan.<sup>5</sup>

### Kontrak Buruh

Dalam konteks Borneo Utara, terdapat dua jenis kontrak bertulis yang digunakan iaitu Kontrak Indentur dan Kontrak Lokal. Kontrak Indentur ialah kontrak bertulis yang diaplikasikan kepada buruh-buruh asing yang datang dan menandatangani kontrak dari luar Borneo Utara, misalnya, buruh Cina dari Hong Kong dan buruh Jawa yang direkrut dari Pulau Jawa di bawah perjanjian khas. Undang-undang ini memperuntukkan buruh yang berumur 16 tahun dan ke atas sahaja dibenarkan bekerja di bawah sistem kontrak.<sup>6</sup> Tempoh masa bekerja bagi buruh Kontrak Indentur dari tahun 1881–1932 adalah dari lima tahun kepada tiga tahun (pindaan *Proclamation IV of 1890*), dan seterusnya dua tahun.<sup>7</sup> Bermula dari tahun 1914, buruh indentur dari Jawa menandatangani kontrak dengan ikatan selama dua tahun. Harus ditekankan bahawa setiap isi kandungan perjanjian kontrak perlu diterangkan kepada buruh dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak (majikan dan buruh). Perjanjian bertulis indentur yang telah dimeterai tidak boleh dibatalkan atau ditamatkan tanpa persetujuan kedua-dua

belah pihak. Selain itu, buruh juga akan diikat dengan *Penal Sanction* di mana, majikan diberikan kuasa untuk menangkap buruh sebelum membawanya ke muka pengadilan sekiranya buruh melakukan kesalahan. Malah, buruh juga boleh dikenakan potongan gaji, denda dan penjara enam bulan sekiranya berlaku perlanggaran perjanjian kontrak.<sup>8</sup>

Buruh yang mula-mula dikenakan kontrak indentur ialah buruh Cina yang telah direkrut khas dari Hong Kong pada tahun 1880an.<sup>9</sup> Walaubagaimanapun, sistem indentur yang diamalkan di kebanyakan koloni telah dikritik di peringkat antarabangsa oleh gerakan penghapusan perhambaan (*abolitionist*) kerana hukuman-hukuman kejam yang dikenakan dan kadar kematian yang berlaku dalam kalangan buruh semakin meningkat menyebabkan sistem ini dilabelkan sebagai perhambaan terselindung.<sup>10</sup> Bukan itu sahaja, kebangkitan nasionalisme di India dan China turut mempercepatkan proses penghapusan sistem buruh indentur di peringkat global. Oleh itu, pada tahun 1910, buruh indentur Cina telah dihapuskan di Negeri-negeri Selat.<sup>11</sup> Oleh kerana pengurus-pengurus ladang di Borneo Utara sangat bergantung sepenuhnya terhadap tenaga buruh indentur Cina dari Singapura dan Hong Kong, keputusan tersebut jelas menjelaskan mereka. Apabila undang-undang pemansuhan buruh indentur Cina dilaksanakan, perekrutan buruh kontrak indentur di Borneo Utara hanya boleh direkrut di Singapura dan Hong Kong sehingga 30 Jun 1914.<sup>12</sup> Oleh itu, apabila Pejabat Kolonial di Negeri Selat telah menghapuskan pengambilan buruh Cina berdasarkan sistem indentur, Borneo Utara turut menghentikan pengambilan buruh-buruh indentur Cina.

Pemberhentian sistem buruh kontrak indentur Cina tidak bermakna sistem indentur telah tamat di Borneo Utara. Hanya pada tahun 1907, selepas rundingan yang dilakukan pada tahun 1903 dan tahun 1906 antara Kerajaan SBUB dan Kerajaan Betawi, buruh indentur Jawa dibenarkan untuk direkrut dari Pulau Jawa oleh pengurus-pengurus ladang dengan ikatan kontrak selama tiga tahun. Namun begitu, bekalan buruh indentur Jawa telah terhenti pada tahun 1910 setelah tempoh kontrak tamat, menyebabkan buruh-buruh indentur Jawa ini pulang. Namun begitu, pada tahun 1913, Kerajaan SBUB telah membuat perundingan dengan kerajaan kolonial Belanda di Jawa untuk membenarkan perekrutan buruh Jawa bekerja di Borneo Utara.<sup>13</sup> Maka pada tahun 1914 sehingga tahun 1932, bermulalah kemasukan buruh indentur Jawa ke Borneo Utara secara berperingkat. Mereka terikat dengan kontrak bertulis yang ditandatangani di Pulau Jawa dan dikenali sebagai Kontrak Belanda (*Dutch Contract*) untuk membezakan mereka dengan Kontrak Lokal.

Kontrak Lokal ialah kontrak yang diperkenalkan oleh Kerajaan SBUB pada tahun 1915 dan dikuatkuasakan pada tahun 1916.<sup>14</sup> Kontrak ini merupakan kontrak bertulis yang diaplikasikan kepada buruh-buruh luar yang menandatangani perjanjian di di Borneo Utara. Jika terdapat buruh asing yang direkrut secara persendirian (bukan melalui kerajaan kolonial) oleh agen-agen perekrut, biarpun mereka direkrut di Pulau Jawa, Singapura, Tanah Melayu dan Hong Kong, sebarang kontrak yang mereka tandatangani di luar dianggap tidak sah oleh Kerajaan SBUB, dan buruh-buruh ini perlu menandatangani kontrak bertulis tempatan yakni Kontrak Lokal.<sup>15</sup> Buruh yang sebelum ini bekerja di bawah Kontrak Indentur dan telah tamat tempohnya, boleh bertukar ke Kontrak Lokal.

Berbeza dengan Kontrak Indentur, tempoh masa Kontrak Lokal hanyalah 300 hari dan boleh ditamatkan pada bila-bila masa jika buruh atau majikan memberikan notis pemberhentian satu bulan sebelum tamat kontrak, dan buruh perlu bebas daripada sebarang hutang. Selain tempoh masa kontrak, terdapat juga perbezaan peruntukan yang lain terutamanya umur, waktu bekerja dan gaji minimum. Umur minimum buruh bagi Kontrak Lokal ialah 18 tahun, dan buruh perlu bekerja selama sembilan jam sehari dengan gaji minimum 33 sen sehari, berbanding dengan Kontrak Indentur yang meletakkan umur minimum 16 tahun, tempoh masa bekerja 10 jam sehari, tetapi dengan gaji 10 sen lebih tinggi.<sup>16</sup>

Selain kontrak bertulis (Kontrak Belanda dan Kontrak Lokal), satu lagi kontrak yang diguna pakai di Borneo Utara ialah Kontrak Lisan. Kontrak Lisan hanya diaplikasikan kepada penduduk tempatan sahaja (penduduk peribumi Borneo Utara). Disebabkan kurangnya galakan daripada SBUB semasa awal pentadbiran, maka buruh tempatan hanya dibenarkan bekerja di bawah kontrak lisan untuk tempoh sebulan sahaja berserta lesen bekerja dan wang pendahuluan yang dihadkan sebanyak lima dolar sahaja.<sup>17</sup> Oleh kerana SBUB tidak menggalakkan dasar pengambilan buruh tempatan, maka pihak majikan dilihat kurang berminat untuk mengambil buruh tempatan bekerja. Sebaliknya, SBUB menggunakan penduduk tempatan dalam projek pembinaan kerajaan seperti kerja pembersihan hutan dan pembinaan jalan.<sup>18</sup> Selain itu, SBUB juga tidak mahu mengganggu corak kehidupan penduduk tempatan yang mengamalkan kegiatan penanaman padi dengan sistem perladangan yang boleh mengganggu pengeluaran hasil beras terutamanya di kawasan Tambunan dan Keningau.<sup>19</sup> Hal ini dikhuatiri ramai penduduk tempatan meninggalkan kampung halaman mereka untuk mencari pekerjaan, dan mengabaikan isteri dan keluarga mereka.<sup>20</sup> Tambahan itu, penduduk tempatan lebih selesa menjadi pekebun kecil dan menjalankan ekonomi sara diri secara perkongsian hasil (*sharecropping*) menyebabkan kegiatan perladangan kurang diminati dalam kalangan penduduk tempatan.<sup>21</sup>

Selepas berlakunya kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1929, terdapat pertambahan yang signifikan dalam jumlah kontrak lisan di Borneo Utara apabila Kerajaan SBUB semakin bergantung kepada penggunaan buruh tempatan.<sup>22</sup> Kemelesetan ekonomi dunia telah memperlihatkan kejatuhan dalam penggunaan buruh asing (yang terikat dengan Kontrak Belanda dan Kontrak Lokal) adalah disebabkan kos untuk membiayai buruh asing terlalu tinggi.

### **Undang-undang Perburuhan**

Dari segi undang-undang yang akan berkuat kuasa kepada keseluruhan sistem perburuhan di Borneo Utara, sebagai permulaannya, Kerajaan SBUB memperkenalkan undang-undang perburuhan berasaskan *Straits Settlements Labour Contract Ordinance No. I. of 1882* untuk meminda sebarang aturan yang wujud berkaitan Majikan dan Buruh di bawah kontrak perkhidmatan. Tidak lama kemudian, pada tahun 1883, Kerajaan SBUB mengguna pakai satu lagi perundangan Negeri-Negeri Selat yakni *Indian Immigrants Protection Ordinance of 1881* dan diubah suai kepada *The Estate Coolies Protection Proclamation 1883* yang bertujuan untuk menambah baik sistem perburuhan sedia ada dengan melindungi buruh daripada dieksplotasi pihak majikan sebagaimana undang-undang yang diaplikasikan terdahulu.<sup>23</sup> Kemudian, Ordinan Buruh 1916 dikuatkuasakan untuk memperkenalkan satu sistem kontrak baharu yang dikenali sebagai Kontrak Lokal bagi mengatasi masalah kekurangan buruh selepas penghapusan sistem buruh kontrak indentur Cina pada tahun 1914.<sup>24</sup> Pindaan Ordinan Buruh 1929 pula dibuat bertujuan untuk menyelaras perundangan buruh yang melibatkan Kerajaan Belanda di Jawa dalam urusan penggunaan buruh indentur Jawa di Borneo Utara.<sup>25</sup> Selain itu, pindaan undang-undang buruh 1932 juga dilakukan kerana berkaitan dengan pemansuhan sistem buruh Indentur Jawa (Kontrak Belanda) yang diamalkan di Borneo Utara. Sementara itu, pindaan terakhir yang dilakukan dalam Ordinan Buruh 1936 adalah untuk memperbaharui dan menambah baik sistem buruh (kontrak, buruh, majikan, gaji, cuti, tempoh bekerja, kemudahan kebajikan, hukuman, penghantaran pulang) setelah sistem buruh indentur dihapuskan sepenuhnya di Borneo Utara pada tahun 1933.<sup>26</sup>

### **Struktur Organisasi dan Pentadbiran Buruh**

Badan pentadbiran buruh dikawal selia sepenuhnya oleh Jabatan Protektorat atau Jabatan Buruh yang ditubuhkan pada tahun 1883. Jabatan ini bertanggungjawab mengurus, memantau dan mengawal selia seluruh jentera pentadbiran buruh yang meliputi proses perekutan, hal ehwal buruh (kebajikan) dan salah guna kuasa dalam kalangan majikan (penganiayaan buruh).<sup>27</sup> Pusat pentadbiran jabatan ini terletak di Jesselton, iaitu di Residensi

Pantai Barat. Jabatan Buruh diketuai oleh Pelindung Buruh (*Protector of Labour*) yang memegang pelbagai jawatan dalam jentera pentadbiran kerajaan seperti Pesuruhjaya Tanah, Setiausaha Luar Negeri Cina, Inspektor Sekolah dan ahli pentadbiran kerajaan.<sup>28</sup>

Pelindung Buruh dibantu oleh Timbalan Pelindung Buruh (*Deputy Protector*) yang terdiri daripada jawatan Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah, Majistret Daerah, Pemungut Hasil Tanah, Bendahari Daerah, atau mana-mana pegawai kerajaan yang bekerja berdasarkan kedudukan geografi daerah pentadbiran masing-masing.<sup>29</sup> Pada awal tahun 1914, Pelindung Buruh hanya dibantu oleh pegawai-pegawai Jabatan Protektorat yang terdiri daripada dua orang kerani berbangsa Cina bertanggungjawab dalam urusan pendaftaran, penghantaran pulang (buruh), penterjemahan, pentafsiran, dan kerja-kerja menaip yang melibatkan data statistik Jabatan Buruh. Kaktangan tambahan hanya diambil untuk menyediakan laporan buruh. Kemudian pada tahun 1916, pengawai depoh telah dilantik dan bertanggungjawab mengawal dan menjaga buruh yang baharu sampai di depoh buruh serta menghantar mereka ke ladang estet masing-masing. Bermula tahun 1920-an, apabila kemasukan imigran luar mula bertambah ramai dan banyak ladang estet telah dibuka maka, kerja-kerja protektorat buruh semakin membebankan. Oleh itu pada tahun 1923, dua Jabatan Protektorat telah ditambah bagi melicinkan urusan pentadbiran buruh.<sup>30</sup>

Bidang kuasa Pelindung Buruh termasuklah menyelia kontrak antara pihak buruh dan majikan (memastikan kedua-dua pihak mematuhi segala kewajipan yang telah diperuntukkan dalam kontrak kerja), mengurus proses perekrutan buruh (dari awal proses ketibaan, pengagihan, penghantaran ke tempat kerja, sehingga urusan penghantaran pulang), menyediakan peruntukan dan memantau progres serta fungsi buruh di tempat kerja.<sup>31</sup> Bidang kuasa Pelindung Buruh tertakluk di bawah ‘Peruntukan Perlindungan’ dalam Ordinan Buruh 1916 (Seksyen 28 hingga 50). Pelindung Buruh bertanggungjawab mengawal selia ketibaan buruh dan memeriksa keadaan buruh. Pemeriksaan ini dilakukan bagi memastikan keadaan buruh sesuai untuk melakukan sebarang pekerjaan. Sekiranya kesihatan buruh didapati tidak mengizinkan untuk melakukan pekerjaan, maka Pelindung Buruh mempunyai kuasa untuk membatalkan kontrak kerja dan menghantar pulang buruh terbabit melalui perbelanjaan majikan.<sup>32</sup> Selain itu, tugas Pelindung Buruh juga termasuk memberikan penerangan dan kefahaman (bahasa ibunda) kepada buruh sebelum menandatangani kontrak kerja dan mengesahkannya sebelum dihantar ke tempat kerja.<sup>33</sup>

Tugas Timbalan Pelindung Buruh pula meliputi semua perkara seperti mengutip cukai, menyusun data statistik, mendaftarkan kelahiran, perkahwinan dan kematian, mencari dan menangkap buruh yang melarikan

diri, mengeluarkan perintah perbicaraan mahkamah, melaksanakan hukuman dan menjadi penasihat kepada penduduk kampung di kawasan pedalaman yang sering dikunjungi. Oleh kerana Timbalan Pelindung Buruh perlu memegang banyak portfolio, maka dia perlu menjalankan tugasnya dengan bijaksana. Dia juga perlu berlaku adil kepada kedua-dua pihak, iaitu buruh dan majikan.<sup>34</sup> Ditambah lagi dengan masalah kekurangan tenaga polis dengan jumlah buruh yang banyak, Timbalan Pelindung Buruh terpaksa mendapatkan sokongan daripada pemilik estet orang Eropah supaya melayan buruh-buruh mereka dengan adil dan saksama.<sup>35</sup> Sebagai Timbalan Pelindung Buruh, dia juga mempunyai tanggungjawab yang sama seperti Pelindung Buruh, misalnya mengesahkan dan mencap kontrak buruh di daerahnya, melakukan lawatan dan pemeriksaan secara berkala di premis-premis bekerja dan tempat tinggal buruh, dan menyiasat sebarang aduan yang dibuat oleh buruh serta menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam kalangan buruh.<sup>36</sup>

Buruh yang direkrut akan menjalani proses pengesahan pendaftaran kontrak yang boleh dilakukan selain Pelindung buruh iaitu; (1) ketua imigresen, timbalannya, dan pembantunya, (2) semua majistret kelas pertama, kedua dan ketiga, dan (3) mana-mana pegawai khas bagi setiausaha kerajaan di Borneo Utara atau Residen di kawasan Pantai Barat.<sup>37</sup> Proses pengesahan penting bagi membolehkan kontrak kerja yang ditandatangani sah di sisi undang-undang. Selain itu, setiap pegawai yang terlibat dikehendaki menyimpan salinan kontrak dalam setiap pendaftaran yang dilakukan untuk dikemukakan kepada pihak imigresen di setiap bahagian pentadbiran di Kudat atau di Sandakan (mengikut residensi pada waktu itu). Salinan-salinan kontrak yang disimpan membolehkan Jabatan Protektorat melakukan rujukan dan pemantauan bagi mengelakkan buruh tidak bekerja melebihi tempoh dari tiga tahun sesuai dengan pindaan tahun 1882 yang menjadi kesalahan sekiranya pemberian kontrak bekerja melebihi tiga tahun.<sup>38</sup> Tambahan itu, senarai buruh kontrak yang berdaftar di bawah Jabatan Protektorat juga perlu dihantar kepada Ketua Pegawai Daerah mengikut tempat buruh bekerja (Timbalan Pelindung Buruh) untuk tujuan penerimaan laporan prestasi buruh yang bakal disediakan oleh pengusaha ladang atau pihak majikan.<sup>39</sup>

## KESIMPULAN

Sistem perburuhan yang digunakan semasa awal pentadbiran SBUB dilihat sangat kompleks dan memerlukan penambahbaikan dari sudut perundungan, sistem kontrak, organisasi perekutan dan juga pentadbiran buruh dari masa ke semasa. Sistem kontrak bertulis yang digunakan terhadap buruh-buruh yang bekerja di Borneo Utara dapat dibahagikan kepada dua iaitu Kontrak Indentur

dan Kontrak Lokal. Kontrak Indentur merujuk kepada kontrak bertulis yang diaplikasikan kepada buruh-buruh yang datang dan menandatangani kontrak dari luar Borneo Utara (perjanjian khas antara kerajaan kolonial lain). Kontrak Lokal pula merujuk kepada kontrak bertulis yang perlu ditandatangani oleh mana-mana buruh yang datang bekerja di Borneo Utara. Bergerak seiring dengan kontrak bertulis ini adalah kontrak lisan yang hanya diaplikasikan kepada penduduk tempatan untuk tempoh sebulan sahaja. Dalam melihat struktur pentadbiran buruh, jabatan buruh telah diwujudkan sebagai badan pengurusan dan pentadbiran. Bagi melicinkan pengurusan hal ehwal buruh, Jabatan Buruh Borneo Utara telah ditubuhkan dan Pelindung Buruh bersama timbalannya bertanggungjawab bersama-sama menjaga hal ehwal buruh dan memastikan pemeriksaan terhadap buruh-buruh yang tiba di Borneo Utara dilakukan. Fungsi mereka dalam sistem pentadbiran buruh sangat penting bagi menyelesaikan sebarang permasalahan yang berlaku sama ada pada sebelah pihak buruh maupun majikan.

## NOTA

- <sup>1</sup> K. G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule North Borneo 1881–1946*, Kuala Lumpur: Synergy Media, 2007, hlm. 236.
- <sup>2</sup> Sunanda Sen, *Indentured Labour in the Age of Empire*, *Social Scientist*, Vol. 44, No. 1/2, 2016, hlm. 39-42.
- <sup>3</sup> David Northrup, *Indentured Labor in the Age of Imperialism, 1834-1922*, New York: Cambridge University Press, 1995, hlm. 22.
- <sup>4</sup> Carl Vadivella Belle, *Tragic Orphans: Indians in Malaysia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2015, hlm. 92.
- <sup>5</sup> Amarjit Kaur, *Labor Crossing in Southeast Asia: Linking Historical and Contemporary Labor Migration*, *New Zealand Journal of Asian Studies*, Vol. 11, No. 1, 2009, hlm. 282.
- <sup>6</sup> The Acts and Ordinances of the Legislative Council of the Straits Settlements, from the 1st April 1867 to the 7th March 1898, Vol. I, London: Printed by Eyre and Spottiswoode, 1898, hlm. 763.
- <sup>7</sup> Danny Wong Tze-Ken, *Historical Sabah: The Chinese*, Kota Kinabalu: Natural History Publication (Borneo), 2005, hlm. 40; Maureen De Silva, Buruh Jawa di Borneo Utara: Satu Latar Belakang Sejarah, 2019, dalam Eko Prayitno Joko et al. (ed), *Isu-isu Perburuhan dan Tenaga Kerja Indonesia di Sabah*, Malaysia, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2019, hlm. 66.
- <sup>8</sup> Alec Gordon, Contract Labour in Rubber Plantations: Impact of Smallholders in Colonial South-East Asia, *Economic and Political Weekly*, Vol. 36, No. 10, 2001, hlm. 848-849; The Acts and Ordinances of the Legislative Council of the Straits Settlements, from the 1st April 1867 to the 7th March 1898, Vol. I, London: Printed by Eyre and Spottiswoode, 1898, hlm. 765-773.
- <sup>9</sup> Danny Wong Tze-Ken, *The Transformation of an Immigrant Society a Study of the Chinese of Sabah*, England: Asean Academic Press Ltd, 1998, hlm. 31.
- <sup>10</sup> David Northrup, *Indentured Labor in the Age of Imperialism, 1834-1922*, New York: Cambridge University Press, 1995, hlm. 5.
- <sup>11</sup> Amarjit Kaur, Labour Dynamics in the Plantation and Mining Sectors in Southeast Asia, 1840-1950: A Historical Perspective, 2004, in Rebecca Elmhirst and Ratna Saptari (ed.), *Labour in Southeast Asia*, London: RoutledgeCurzon, 2004, hlm. 71.
- <sup>12</sup> Maureen De Silva, *Javanese Indentured Labourers in British North Borneo 1914-1932*, Tesis Kedoktoran, University of London: Department of History School of Oriental and African Studies, 2009, hlm. 70.

- <sup>13</sup>Maureen De Silva, Buruh Jawa di Borneo Utara: Satu Latar Belakang Sejarah, 2019. Dlm. Eko Prayitno Joko et al., (eds.), *Isu-isu Perburuhan dan Tenaga Kerja Indonesia di Sabah, Malaysia, Kota Kinabalu*: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2019, hlm. 74.
- <sup>14</sup> K. G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule North Borneo 1881-1946*, Kuala Lumpur: Synergy Media, 2007, hlm. 178.
- <sup>15</sup> ANS: NBCA 480, Ordinance 9 of 1916, hlm. 588.
- <sup>16</sup> Maureen De Silva, Javanese Labour Migrants in British North Borneo, 1914-1932, *Bumantara: Journal of Social and Political Development*, Vol. 1, No. 1, 2011, hlm. 28-29.
- <sup>17</sup> Amarjit Kaur, *Economic Change in East Malaysia: Sabah and Sarawak since 1850*, New York: St. Martin's Press, 1998, hlm. 110.
- <sup>18</sup> ANS: Despatches (Governor to Chairman, 1918), Bunbury to Government Secretary, 4 June 1918, enclosure, Pearson to Chairman, 19 June 1918.
- <sup>19</sup> ANS: Despatches (Court to Governor, 1918), Assistant Secretary BNBC to Governor Pearson, 15 August 1918.
- <sup>20</sup> ANS: NBCA 497, Extract from letter no. 34, 36, 16, from Resident of the West Coast, April 1936.
- <sup>21</sup> Ian Ochiltree, Mastering the Sharecroppers: Land, Labour and the Search for Independence in the US South and South Africa, *Journal of Southern African Studies*, Vol. 30, No. 1, 2004, hlm. 42.
- <sup>22</sup> Maureen De Silva, Buruh Jawa di Borneo Utara: Satu Latar Belakang Sejarah, dalam Eko Prayitno Joko et al., (ed), *Isu-isu Perburuhan dan Tenaga Kerja Indonesia di Sabah, Malaysia, Kota Kinabalu*: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2019, hlm. 79.
- <sup>23</sup> ANS: BNBH, 31 Disember 1883, hlm. 12; Md Saffie Abdul Rahim, *Jepun di Borneo Utara: Migrasi dan Kegiatan Ekonomi 1884-1941*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2002, hlm. 12.
- <sup>24</sup> K. G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule North Borneo 1881-1946*, Kuala Lumpur: Synergy Media, 2007, hlm. 178.
- <sup>25</sup> ANS: NBCA 480a, Labour Ordinance 1929; Junaiday Gurongot, *Sejarah Undang-undang Buruh di Borneo Utara dari tahun 1881-1942*, Latihan Ilmiah, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2013, hlm. 89-90.
- <sup>26</sup> ANS: NBCA 1186, Ordinance No. 1 of 1936; George McTurnan Kahin, The State of North Borneo 1881-1946, *The Far Eastern Quarterly*, Vol. 7, No. 1, 1947, hlm. 59-60.
- <sup>27</sup> ANS: NBCA, 1126, Section 9 (v) on Comments by Legal Adviser on Minutes of the Meeting of the Labour Advisory Board held in Jesselton on 22 April 1929.
- <sup>28</sup> ANS: NBCA 1016, The Labour Department of North Borneo, Arrangements for the Supervision of Labour Conditions in North Borneo.
- <sup>29</sup> Md Saffie Abdul Rahim, *Jepun di Borneo Utara: Migrasi dan Kegiatan Ekonomi 1884-1941*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2002, hlm. 13.
- <sup>30</sup> Maureen De Silva, *Javanese Indentured Labourers in British North Borneo 1914-1932*, Tesis Kedoktoran, University of London: Department of History School of Oriental and Africa Studies, 2009, hlm. 156.
- <sup>31</sup> ANS: Official Gazette 1916, Section 5 (ii) of Ordinance No. 9 of 1916, hlm. 143; NBCA 1126, Section 9 (iii), (iv) on Comments by Legal Adviser on Minutes of the Meeting of the Labour Advisory Board held in Jesselton on 22 April 1929.
- <sup>32</sup> ANS: Official Gazette 1916, Section 28 of Ordinance No. 9 of 1916, hlm. 146.
- <sup>33</sup> ANS: Official Gazette 1916, Section 13 of Ordinance No. 9 of 1916, hlm. 143.
- <sup>34</sup> Maureen De Silva, *Javanese Indentured Labourers in British North Borneo 1914-1932*, Tesis Doktor Falsafah, University of London: Department of History School of Oriental and African Studies, 2009, hlm. 157
- <sup>35</sup> Owen Rutter, *British North Borneo: An Account of Its History, Resources and Native Tribes*, London: Constable & Company Limited, 1922, hlm. 152.
- <sup>36</sup> Maureen De Silva, *Javanese Indentured Labourers in British North Borneo 1914-1932*, Tesis Doktor Falsafah, University of London: Department of History School of Oriental and African Studies, 2009, hlm. 158.
- <sup>37</sup> ANS: BNBH, Notification No. 54, 1 April 1890, hlm. 115.
- <sup>38</sup> ANS: BNBH, Notification No. 75, of 1888, BNBH, 1 September 1888, hlm. 501; BNBH, Government Secretary Office, 19 Mac 1890, hlm. 116.
- <sup>39</sup> ANS: BNBH, 1 Jun 1888, hlm. 345.

## RUJUKAN

### Sumber Arkib

- British North Borneo Herald* 1883.  
*British North Borneo Herald* 1888.  
*British North Borneo Herald* 1889.  
*British North Borneo Herald* 1890.  
*British North Borneo Herald* 1891.  
*British North Borneo Herald* 1892.  
Despatches (Court to Governor, 1918). Assistant Secretary BNBC to Governor Pearson. 15 August 1918.  
Despatches (Governor to Chairman, 1918). Bunbury to Government Secretary. 4 June 1918, enclosure. Pearson to Chairman. 19 June 1918.  
North Borneo Centra Archive. No. 480. Labour Ordinance 1916.  
North Borneo Centra Archive. No. 480a. Labour Ordinance 1929.  
North Borneo Centra Archive. No. 497. *Desertion by Husbands in the Native Villages*. Extract from letter no. 34,36, 16, from Resident of the West Coast, April 1936.  
North Borneo Centra Archive. No. 1016. *Conditions of Labour in Colonies, Protectorates, etc. and Problems Connected with Labour*. The Labour Department of North Borneo, Arrangements for the Supervision of Labour Conditions in North Borneo.  
North Borneo Centra Archive. No. 1126. *Labour Advisory Board, Minutes of Meeting*. Section 9 (v) on Comments by Legal Adviser on Minutes of the Meeting of the Labour Advisory Board held in Jesselton on 22 April 1929.  
North Borneo Centra Archive. No. 1126. Section 9 (iii), (iv) on Comments by Legal Adviser on Minutes of the Meeting of the Labour Advisory Board held in Jesselton on 22 April 1929.  
North Borneo Centra Archive. No. 1186. Labour Ordinance 1936. *Ordinance No. 1 of 1936*.  
Official Gazette 1916. Section 5 (ii) of Ordinance No. 9 of 1916.  
Official Gazette 1916. Section 28 of Ordinance No. 9 of 1916.  
Official Gazette 1916. Section 13 of Ordinance No. 9 of 1916.

### National Library Board, Singapore

- The Acts and Ordinances of the Legislative Council of the Straits Settlements, from the 1st April 1867 to the 7th March 1898, Vol. I. 1898. London: Printed by Eyre and Spottiswoode.

### Buku

- Belle, C. V. 2015. *Tragic Orphans: Indians in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.  
De Silva, Maureen. 2019. Buruh Jawa di Borneo Utara: Satu Latar Belakang Sejarah. Dlm. Eko Prayitno Joko *et al.*, (eds.). *Isu-isu Perburuhan dan Tenaga Kerja Indonesia di Sabah, Malaysia*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Hlm. 19–34.  
Kaur, Amarjit. 1998. *Economic Change in East Malaysia: Sabah and Sarawak since 1850*. New York: St. Martin's Press.

- Kaur, Amarjit. 2004. Labour Dynamics in the Plantation and Mining Sectors in Southeast Asia, 1840–1950: A Historical Perspective. In Elmhirst, Rebecca & Ratna Saptari (Ed.). 2004. *Labour in Southeast Asia*. London: RoutledgeCurzon. Hlm. 47–76.
- Massey, Andrew. 2006. *The Political Economy of Stagnation British North Borneo Under the Chartered Company 1881–1946*. Kota Kinabalu: The State Sabah Archive.
- Md Saffie Abdul Rahim. 2002. *Jepun di Borneo Utara: Migrasi dan Kegiatan Ekonomi 1884–1941*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Northrup, David. 1995. *Indentured Labor in the Age of Imperialism, 1834–1922*. New York: Cambridge University Press.
- Reany Koton & De Silva, Maureen. 2018. Sebab-musabab Pengrekutan Buruh Peribumi di Estet Perladangan Borneo Utara (1881–1942). Dlm. Eko Prayitno Joko (eds.). *Deksripsi Mengenai Sabah Daripada Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia. Hlm. 63–80.
- Rutter, O. 1922. British North Borneo: An account of its history, resources and native tribes. London: Constable & Company Limited.
- Tregonning, K. G. 2007. *Under Chartered Company Rule North Borneo 1881–1946*. Kuala Lumpur: Synergy Media.
- Wong Tze-Ken, Danny. 2005. *Historical Sabah: The Chinese*. Kota Kinabalu: Natural History Publication (Borneo).
- Wong Tze-Ken, Danny. 1998. *The Transformation of an Immigrant Society a Study of the Chinese of Sabah*. United Kingdom: Asean.

## Artikel

- De Silva, Maureen. 2011. Javanese Labour Migrants in British North Borneo, 1914–1932. *Bumantara: Journal of Social and Political Development*, Vol. 1. No. 1. Pp. 23–41.
- Kaur, Amarjit. 2009. Labor Crossing in Southeast Asia: Linking Historical and Contemporary Labor Migration. *New Zealand Journal of Asian Studies*, Vol. 11. No. 1. Pp. 276–303.
- Ochiltree, Ian. 2004. Mastering the Sharecroppers: Land, Labour and the Search for Independence in the US South and South Africa. *Journal of Southern African Studies*, Vol. 30. No.1. Pp. 41–61.
- Sen, Sunanda. 2016. Indentured Labour from India in the Age of Empire. *Social Scientist*, Vol.44. No.1/2. Pp. 35–74.

## Tesis

- De Silva, Maureen. 2009. *Javanese Indentured Labourers in British North Borneo 1914–1932*. Tesis Kedoktoran. University of London: Department of History School of Oriental and African Studies.
- Junaiday Gurongot. 2013. *Sejarah Undang-undang Buruh di Borneo Utara dari tahun 1881–1942*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaysia Sabah: Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan.